



Nik Salida  
Suhaila  
Nik Saleh

# Ilmu, budi perlu seimbang dalam jiwa Muslim

## Pelajaran bukan sekadar untuk lulus peperiksaan tetapi momentum kearah memahami erti hidup

**D**UNIA dan sejarah sudah membuktikan bahawa ke-mampuan ilmu boleh menentukan jatuh bangunnya suatu tamadun manusia. Sememangnya tidak dapat dinafikan keserjanaan ilmu dan ketrampilan sahsiah mampu memadamkan kejahilan yang kian bersinar kini.

Jika ilmu benar-benar dipelajari dan diamalkan terutama ilmu agama yang meniadakan perbuatan menyakitkan hati, penggunaan bahasa kasar, menabur fitnah dan tohmah, tidak memberi manfaat kepada orang lain, sukar membantu dan menolong orang, menzalimi dan sebagainya, pastilah seluruh manusia akan dapat hidup dengan aman dan harmoni.

Bahkan penyelesaian kepada segala kemelut, kemunduran dan penghinaan dihadapi umat Islam hari ini ialah dengan kembali kepada al-Quran.

Dalam hal ini, faktor genetik juga penting, iaitu apabila anak mewarisi dan melihat kecantikan budi kedua ibu bapa serta melakukan perkara yang serupa apabila bermuamalah dengan anak atau orang lain.

Kadangkala genetik jugalah yang menghasilkan budi bahasa buruk kerana apa yang dilihat dan dilakukan oleh ibu bapa atau ahli keluarga lebih tua akan dituruti dan ia berpanjangan kepada generasi akan datang.

Gabungan antara akhlak baik yang diwarisi daripada ibu bapa dan ilmu dipelajari adalah tautan lengkap untuk menjadikan seorang itu mempunyai budi bahasa yang cantik. Kadangkala, apa yang diwarisi tidak semestinya baik dalam

aspek agama.

Sebab itulah jika warisan itu diselaraskan dengan ilmu yang dipelajari secara berfokus, maka sudah tentulah generasi yang terdidik akan dapat meneruskan kesinambungan akhlak Rasulullah SAW dan para sahabat Baginda.

Allahyarham Prof Dr Hamka dalam bukunya *Lembaga Budi* menyatakan bahawa maksud menuntut ilmu bukanlah semata-mata untuk memperluas ilmu pengetahuan, malah mengabdikan pada masyarakat dan meningkatkan mutu peribadi.

Antara ilmu dengan budi hendaklah saling isi mengisi dan setinggi mana pun ilmu, jika tidak didasarkan kepada budi hanya akan membawa kecelakaan. Budi yang tidak berisi ilmu pula tidak akan memberikan faedah kepada masyarakat.

Selama mana dua kekuatan ini masih ada dalam jiwa umat Islam, selama itulah Islam akan tetap hidup di seluruh permukaan bumi ini. Sebaliknya, jika keduanya atau salah satu di antaranya mulai lemah, maka Islam sudah tidak hidup lagi meskipun tubuhnya masih ada.

Melihat senario semasa, jika kita memerhati kehidupan segelintir umat Islam, kita seolah-olah rala dan pasrah melihat Islam terus layu dan membiarkannya mati. Kelakuan dan budi pekerti umat Islam kini ada kalanya tidak jauh berbeza dengan kelakuan jahiliah.

Bukan saja tiada usaha untuk menyuburkannya kembali, malah majoriti manusia yang menggelarkan dirinya Muslim terus galak membajai benih mazmumah dan dengan girang ria mencambah biak

kebejatan sosial. Pendek kata, akhlak dan budi seolah-olah butir permata dan intan terpilih yang sudah hilang daripada kehidupan orang Islam.

Bukan tiada usaha untuk mencantikkan budi, malah ilmu adalah satu-satunya cara paling utama untuk menjadikan seseorang insan itu berkualiti dengan adab dan akhlak. Maka, sekecil-kecil anak diajar supaya menghormati orang tua, memberi salam, membalas jasa, bertutur dengan baik, bergaul mesra dengan semua orang tanpa mengira pangkat atau rupa.

Bagaimanapun, penerapan nilai murni ini boleh berkurang apabila tidak lagi dikawal oleh mentor anak-anak iaitu ibu bapa yang se-

### PETIKAN AL-QURAN

*"Sesungguhnya yang takut kepada Allah di kalangan hambaNya, hanyalah para ulama"*

*Surah al-Faathir, ayat 28*

*"Allah akan meninggikan orang yang beriman di antara kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat"*

*Surah Al-Mujadalah, ayat 11*

makin leka apabila melihat anak-anak cukup dewasa menerajui diri, malangnya mereka silap dalam membuat telahan. Anak yang dulunya kecil dan berakhlak baik semakin lupa kepada apa yang diajar kerana banyak sebab menjadikan mereka berubah.

Setiap insan apabila boleh berfikir perlu insaf bahawa kewujudannya mempunyai matlamat, perjalanannya mempunyai haluan dan hidupnya mempunyai tugas serta tanggungjawab.

Justeru, umat Islam selaku sebahagian daripada entiti penting dalam masyarakat juga tidak boleh lari daripada meningkatkan kesedaran mengenai persoalan ini dan seterusnya bingkas bangun bermuhasabah diri ke arah mengurus kejayaan hidup di dunia dan akhirat.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: *"Sesungguhnya yang takut kepada Allah di kalangan hambaNya, hanyalah para ulama."* (Surah al-Faathir, ayat 28)

Konsep keserjanaan ilmu wajar menjadi prinsip utama dalam kehidupan setiap individu Muslim yang merdeka. Apa yang penting adalah pembelajaran bukan hanya untuk lulus peperiksaan, memenuhi keperluan kursus atau sekadar mendapat sekeping ijazah.

Sebaliknya, ia adalah momentum ke arah memahami erti hidup sebenar. Setiap ilmu yang dipelajari wajar ditafsir mengikut kacamata ilmiah yang betul. Makna kata belajar itu sendiri bolehlah dimaklukkan sebagai satu proses pembinaan idea, penghayatan dan aplikasi ilmu. Sebagai hasilnya, hakikat akhir sesuatu proses belajar itu mampu menuntun sese-

orang ke landasan kebenaran.

Dalam Islam, perkataan pendidikan atau tarbiah itu antara lain bermaksud suatu pendekatan yang terbaik sekali dalam bertafa'ul (berinteraksi) dengan fitrah insan serta melaksanakan proses pendidikan melalui tunjuk ajar dan teladan.

Suatu teori pendidikan tidak akan sampai kepada matlamat yang dihajati jika ia gagal berfungsi dan tidak berkesan. Keberkesanan itu diukur dengan melihat sejauh mana hasil yang dihajati bertunas dan berkembang dalam diri individu yang dididik.

Hasil pendidikan juga dapat dilihat melalui perubahan tingkah laku, tindakan dan hasil pemikiran mereka. Pendidikan yang tidak berkesan bukan saja merugikan tenaga, waktu dan wang, tetapi yang lebih dibimbangi apabila hasilnya bertentangan dengan apa dihajati.

Sebab itulah amat malang sekali jika ada yang gagal dalam hidup, gagal akhlak dan budinya sewaktu dalam proses pembelajaran atau menuntut ilmu sedangkan ilmu yang menjadikan seseorang insan itu mulia dan dihormati, bukan dikeji. Jatuh bangunnya generasi mendatang adalah impak terbesar daripada generasi yang beraksi di saat ini.

Firman Allah yang bermaksud: *"Allah akan meninggikan orang yang beriman di antara kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat."* (Surah Al-Mujadalah, ayat 11)

Penulis ialah Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia (Usim)